

KKTKW 18/4/2.01



Ibu Pejabat Jabatan Ukur
Semenanjung Malaysia
Jalan Gurney
Kuala Lumpur 15-02

15 Januari, 1981

PEK.KETUA PENGARAH UKUR BIL.1 TAHUN 1981 **Pembekalan Buku Kerjalar Kepada Juruukur Tanah Berlesen**

Adalah diperhatikan bahawa urusan menggantikan buku kerjalar Juruukur Tanah Berlesen mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Ukur Bil. 4/1976 telah tidak berjalan dengan licin dan sempurna atas beberapa sebab. Untuk memperbaiki perkara ini, cara baru seperti berikut hendaklah dikuatkuasakan mulai dari 1hb. Februari, 1981.

2. Pembekalan Buku Kerjalar Kepada Pengarah Ukur Negeri

- 2.1 Oleh kerana buku kerjalar untuk Juruukur Tanah Berlesen haruslah sama mutunya dan sejenis dengan buku yang digunakan oleh Jabatan Ukur, Ibu Pejabat Jabatan Ukur akan meneruskan pembekalannya dengan kosnya dibiayai oleh pihak Lembaga Juruukur Tanah. Apabila pembekalan dihantar kepada Pengarah Ukur, bil untuk kos buku kerjalar itu akan dikeluarkan kepada Setiausaha Lembaga untuk dijelaskan.
- 2.2 Untuk mengasingkan stok buku kerjalar Juruukur Tanah Berlesen dari stok Jabatan, semua buku Juruukur Tanah Berlesen akan berkulit merah dan buku Jabatan berkulit hijau.
- 2.3 Pengarah Ukur Negeri akan dibekalkan dengan buku kerjalar mengikut keperluan tahunan masing-masing. Buat permulaan, bilangan buku kerjalar yang dibekalkan bersama-sama pekeling ini adalah mengikut keperluan tahun 1980 seperti yang disenarai di [Lampiran A](#).
- 2.4 Pengarah Ukur hendaklah membuat pesanan dari Ibu Pejabat untuk memenuhi stoknya sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum stoknya habis. Pesanan bagi keperluan tahun 1981 seperti di [Lampiran A](#) tidak perlu diulang. Ianya akan dihantar sebaik sahaja siap dibuat.

3. Cara Menggantikan Buku Kerjalar Kepada Juruukur Tanah Berlesen

- 3.1 Buku kerjalar yang diserahkan oleh Juruukur Tanah Berlesen kepada Pengarah Ukur hendaklah digantikan satu persatu. Untuk menjimatkan perbelanjaan kiriman, pihak Juruukur Tanah Berlesen adalah diminta mengambilnya dari Pengarah Ukur sebulan sekali ataupun mengikut peraturan tempatan yang bersesuaian kepada kedua-dua pihak.
- 3.2 Untuk menyenangkan Juruukur Tanah Berlesen yang berkenaan sambil menjimatkan perbelanjaan oleh Pengarah Ukur, mereka yang berpejabat di sekitar Kuala Lumpur yang menjalankan kerja-kerja di Negeri-Negeri lain, boleh mendapatkan penggantian buku kerjalar dari Setiausaha Lembaga Juruukur Tanah. Untuk tujuan ini, Pengarah Ukur hendaklah mengeluarkan surat pengesahan seperti [Lampiran B](#) dalam satu salinan sahaja kepada Setiausaha Lembaga melalui Juruukur Tanah Berlesen yang berkenaan, menyatakan bilangan buku kerjalar yang telah diterima bagi tiap-tiap kerja. Dengan adanya pengesahan ini bolehlah Juruukur yang berkenaan membuat tuntutan kepada Setiausaha Lembaga.

4. Pemansuhan

- 4.1 Dengan kuatkuasanya peraturan ini, peraturan lama seperti dihuraikan di peranggan (iii) dan (iv) Pekeliling KPU Bil. 4/1976 dimansuhkan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

LEONG YIP SUN, JSM.,

Ketua Pengarah ukur,

Semenanjung Malaysia.

Tarikh: 15 hb. Januari, 1981.

Keperluan Buku Kerjauar Oleh
Pengarah Ukur Negeri

NEGERI	1980		1981	
	Nipis	Tebal	Nipis	Tebal
JOHOR	150	350	200	400
KEDAH/PERLIS	75	75	75	75
KELANTAN	100	40	200	100
MELAKA	200	200	200	200
NEGERI SEMBILAN	250	120	300	150
PAHANG	-	-	80	120
PERAK	400	200	200	200
PULAU PINANG	75	50	200	120
SELANGOR	220	60	250	80
TRENGGANU	100	50	150	100
W. PERSEKUTUAN	100	100	100	100
JUMLAH	1670	1245	1955	1645
Lembaga Juruukur Tanah	100	100	245	255
JUMLAH BESAR	1770	1345	2200	900

LAMPIRAN B

Bil. Tuan:

Bil. Kami:

Setiausaha,
Lembaga Jurukur Tanah,
Kuala Lumpur.

Melalui Jurukur Tanah Berlesen,

Encik

Tuan,

**PEMBEKALAN BUKU KERJALUAR KEPADA
JURUKUR TANAH BERLESEN**
Pekeliling KPU. Bil. 1/1981

Adalah dengan hormatnya saya meujuk kepada perkara tersebut diatas, dengan ini saya mengesahkan penerimaan buku kerjalar yang diserahkan oleh Jurukur Tanah Berlesen, Encik bagi pengukuran yang berikut. Sila tuan mengeluarkan buku baru kepada beliau sebagai pengantinya.

NO.	Rujukan Fail		Buku Kerjalar Diterima		Catitan
	Pej. Ukur (J.U.B.L)	JTB	Nipis	Tebal	
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					
Jumlah					

Tarikh

Pengarah Ukur